



HAJI AWG ASBOL HAJI MAIL & FARAHAINA ANCHONG

Kesultanan Aceh Era Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, 1607-1636: Penelitian terhadap Undang-Undang Islam

IKHTISAR: Kemunculan undang-undang dalam Kesultanan Alam Melayu memang satu keperluan, kerana ia menjadi alat membanteras jenayah untuk mencapai keamanan. Undang-undang yang digubal biasanya dalam bentuk undang-undang Adat dan Islam. Undang-undang Adat dan Islam juga terdapat dalam Kesultanan Aceh dan wujud semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, 1607-1636. Ia dibuat sama ada secara bertulis, seperti yang terdapat pada Adat Meukuta Alam atau melalui titah Sultan. Makalah ini hanya akan menghuraikan undang-undang Islam pada zaman baginda. Fokus kajian hanya akan menumpukan kepada kes curi, bunuh, dan zina. Namun, perbincangan juga akan menyentuh undang-undang Adat jika ia berkaitan dalam melaksanakan kes jenayah. Pengumpulan data dilakukan dengan merujuk pada sumber sekunder yang mengandungi maklumat tentang undang-undang Kesultanan Aceh, antaranya buku, artikel, kertas kerja, tesis, dan laman sesawang yang boleh dipertanggungjawabkan secara akademik. Hasil perbincangan dalam makalah ini menunjukkan bahawa undang-undang Islam digunakan pada zaman baginda Sultan Iskandar Muda, di samping undang-undang Adat.

KATA KUNCI: Undang-Undang Adat dan Islam; Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam; Daulat.

ABSTRACT: "The Sultanate of Aceh during the Era of Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, 1607-1636: Study on Islamic Law". The emergence of law in Malay Sultanates was necessary, because it was used to contain crimes and to achieve peace. The law which was implemented were usually consisted of Customary and Islamic laws. Customary and Islamic laws also existed in the Sultanate of Aceh, especially during the reign of Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, 1607-1636. These laws existed either in written form as can be found in "Adat Meukuta Alam" or through the Sultan's order. This article will only discuss on Islamic law during the Sultan's reign. This essay will only be looking at the cases, namely theft, killing, and adultery. Nevertheless, this article will also discuss on Customary law if it were related to the cases above. Data collection was done by referring to secondary sources, which contain information on the law of the Sultanate of Aceh, the sources include books, articles, working papers, thesis, and reliable websites which can be used to support the argument academically. The findings from this article showed that Islamic law was practiced during the Sultan Iskandar Muda's reign, besides Customary law.

KEY WORD: Law of Customary and Islam; Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam; Sovereignty.

Mengenai Penulis: Prof. Madya Dr. Haji Awg Asbol Haji Mail ialah Pensyarah pada Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa FASS UBD (Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tungku Link, BE-1410, Negara Brunei Darussalam. Farahaina Anchong ialah Pelajar Pascasiswazah pada Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa FASS UBD. Alamat emel Penulis: asbol_mail@ubd.edu.bn dan farahaina.anchong@gmail.com

Cara Mengutip: Mail, Haji Awg Asbol Haji & Farahaina Anchong. (2021). "Kesultanan Aceh Era Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, 1607-1636: Penelitian terhadap Undang-Undang Islam" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 9(1), Maret, hlm.19-36. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press dan UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

Riwayat Artikel: Diterima (15 Januari 2021); Direvisi (17 Februari 2021); and Diterbitkan (30 Maret 2021).

PENDAHULUAN

Dalam rakaman sejarah Kesultanan Alam Melayu tradisional, salah satu aspek yang dilihat penting dalam pembentukan sebuah kerajaan adalah penggubalan undang-undang. Dengan adanya undang-undang, kerajaan dapat menjaga dan memantau keamanan serta kesejahteraan rakyat. Kemunculan undang-undang bagi sesebuah kerajaan bukan sahaja sebagai simbol kedaulatan Sultan, tetapi juga satu pencapaian tamadun. Kesejahteraan rakyat lazimnya terpelihara, kerana adanya undang-undang. Konflik dalaman dan luaran dapat ditangani dengan mudah menerusi undang-undang, yang membawa peningkatan tamadun dalam bidang politik, pentadbiran, ekonomi, ketenteraan, sosial, keagamaan, dan hubungan diplomatik.

Kesultanan Melayu sebelum abad ke-20 Masihi,¹ telah menggunakan dua undang-undang, iaitu Adat dan Islam. Undang-Undang Islam adalah satu undang-undang masyarakat Islam yang digubal berpandukan kepada *Al-Qur'an* sebagaimana yang berlaku terhadap Kesultanan Melaka, Pahang, Kedah, Perak, dan Brunei. Undang-Undang ini masing-masing dikenali sebagai: *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Pahang*, *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*, dan *Hukum Kanun Brunei* (Winstedt, 1996:118-120; Othman, 2003:13; dan Ghofur, 2015).²

Sementara itu, undang-undang Adat pula wujud melalui peraturan yang sudah menjadi kebiasaan dalam sesebuah masyarakat. Undang-undang ini terlebih dahulu digunakan oleh masyarakat Alam Melayu sebelum kedatangan agama Islam (Winstedt, 1996; Ghofur, 2015; dan Salam, 2017).³

Kesultanan Aceh, sebagai salah sebuah kesultanan Alam Melayu, juga menggubal undang-undang Adat dan Islam. Bagaimanapun, kesultanan ini telah membahagikan undang-undangnya kepada empat kategori, iaitu: Adat, Hukum, Kanun, dan Resam, sebagaimana yang tercatat dalam *Adat Meukuta Alam*. Meskipun demikian, jika dilihat dari segi makna, ia masih merujuk kepada dua jenis undang-undang, iaitu Adat dan Islam. Apabila diteliti makna perkataan “Adat”, ia membawa

¹Makalah ini menggunakan Tahun Masihi dalam perbincangannya.

²Lihat pula, contohnya, “Islamic Law Definition” dalam *Duhaime.Org*. Wujud secara online pula di: <http://www.duhaime.org/LegalDictionary/1/IslamicLaw.aspx> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 7 Julai 2020].

³Lihat “Customary Law” dalam *TransLegal*. Wujud secara online pula di: <https://www.translegal.com/dictionary/en/customary-law/noun> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 7 Julai 2020].

maksud kebiasaan, cara kelakuan yang menjadi kebiasaan, satu kelaziman, atau tradisi. “Hukum” pula membawa erti undang-undang, perintah, atau sistem undang-undang. Sementara itu, “Kanun” adalah satu kumpulan undang-undang atau peraturan; sedangkan “Resam” bermaksud kebiasaan atau cara kelakuan yang menjadi kebiasaan (Utriza, 2008; Gazali, 2016; dan Wahyudhi, 2016).⁴

Oleh yang demikian, pada umumnya, Adat dan Resam mempunyai makna yang sama dan boleh digabungkan sebagai Undang-Undang Adat. Sementara itu, makna Hukum seperti yang diterangkan di atas didapati berbeza dengan pengertian “hukum” mengikut persepsi masyarakat Aceh. Kesultanan ini menghubungkan perkataan “hukum” dan juga “kanun” dengan Islam, apabila ia dikaitkan dengan peraturan Ulama dan Kadi dalam hal-hal pentadbiran dan keagamaan (Usman, 2005:26 dan 28; Gazali, 2016; dan Wahyudhi, 2016).

Berasaskan pada persepsi di atas, maka Hukum dan Kanun boleh sahaja disatukan menjadi Undang-Undang Islam. Dengan itu, Kesultanan Aceh sememangnya mempraktikkan dua undang-undang, iaitu Islam dan Adat.

Dengan yang demikian, makalah ini cuba memfokus perbincangan ke atas Undang-Undang Islam Kesultanan Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Terdapat pelbagai Undang-Undang Islam yang digubal dan dilaksanakan oleh baginda, seperti hukuman bagi jenayah membunuh, mencuri, merompak, berzina, dan meminum-minuman keras. Tetapi dalam ruang yang terbatas ini, makalah hanya akan membicarakan tentang pelaksanaan Undang-Undang Islam ke atas jenayah mencuri, membunuh, dan berzina.

Sebelum itu, makalah akan terlebih dahulu menjelaskan mengenai latar belakang Kesultanan Aceh, yang meliputi awal kemunculan kerajaan ini sebagai Kerajaan Melayu Islam. Di samping itu, huraian mengenai pencapaian Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, yang membawa kepada zaman kegemilangan Kesultanan Aceh juga akan dilakukan. Melalui

⁴Lihat, misalnya, “Adat” dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/adat> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019]; “Hukum” dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/hukum> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019]; “Kanun” dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/kanun> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019]; dan “Resam” dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/resam> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019].

perbincangan ini akan diperlihatkan bagaimana perkembangan berkenaan mempunyai hubungan dengan kemunculan Undang-Undang Islam dalam kesultanan.

Kajian Lepas. Undang-Undang Kesultanan Aceh pernah dikaji oleh sarjana-sarjana Indonesia dan sarjana luar. Misalnya, sarjana Indonesia, seperti Ayang N.W.A.Y. Utriza (2008); Amirul Hadi (2010); dan dan sarjana lainnya, pernah mengkaji mengenainya, tetapi dalam konteks kedua-dua Undang-Undang, iaitu Adat dan Islam. Kajian mereka adalah berbeza dengan makalah ini, yang hanya menghuraikan tentang Undang-Undang Islam (*cf* Utriza, 2008:237-276; Hadi, 2010:171-191; Gazali, 2016; dan Wahyudhi, 2016).

Makalah ini juga berbeza dengan kajian mereka, kerana ia tidak hanya menjelaskan mengenai undang-undang pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, tetapi turut melihat pada zaman Sultan dan Sultanah yang lain, seperti Sultan Ali Mughayyat Syah, 1514-1530; Sultan Alaadin Riayat Syah al-Kahar, 1539-1571; Sultan Alaaddin Riayat Syah al-Mukammil, 1589-1604; Sultan Iskandar Thani, 1636-1641; Sultanah Tajul Alam Safiahtuddin Syah, 1641-1675; dan Sultan Syamsul Alam Johan Syah (Wandi Tebing), 1726-1727. Jadi, kajian mereka adalah tidak sama dengan kajian ini yang hanya menghuraikan Undang-Undang Islam Kesultanan Aceh pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Selain daripada itu, pengkaji luar dari Jepun, seperti T. Ito (1984), pernah mengkaji tentang undang-undang Kesultanan Aceh yang juga menumpukan kepada Undang-Undang Adat dan Islam. Beliau juga tidak hanya menyentuh mengenai undang-undang pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, tetapi juga pada zaman Sultan dan Sultanah yang lain, antaranya Sultanah Tajul Alam Safiahtuddin Syah; Sultanah Zakiahtuddin Inayat Syah, 1678-1688; dan Sultan Syamsul Alam Johan Syah atau Wandu Tebing (Ito, 1984:167-193).

Kajian T. Ito (1984) itu juga jelas berbeza dengan makalah ini, yang hanya menjelaskan tentang Undang-Undang Islam pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Oleh itu, kajian berkenaan belum pernah dikaji, tetapi kajian-kajian tersebut akan digunakan bagi mengukuhkan analisis makalah ini.

Kaedah Kajian. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan, iaitu dengan merujuk pada sumber sekunder. Bentuk dan pemilihannya adalah sebagaimana yang telah

dinyatakan dalam abstrak. Tujuan kaedah perpustakaan dipilih adalah kerana makalah ini membahaskan tentang kajian lama yang hanya boleh diperolehi melalui sumber-sumber bertulis, terutama kajian-kajian yang pernah dibuat oleh para sarjana lain (Ibrahim, 2000; Sjamsuddin, 2007; dan Zed, 2008).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Kesultanan Aceh. Kesultanan Aceh adalah sebuah kerajaan yang terletak di Utara Sumatera, yang kemunculannya dapat dilihat melalui dua peringkat, iaitu Aceh Kecil dan Aceh Besar. Dalam era Aceh Kecil tidak begitu banyak boleh diperkatakan, kerana dalam peringkat ini ia hanyalah sebuah kerajaan kecil hingga sumber-sumber mengenainya agak terbatas. Di sekitar Aceh pula terdapat beberapa buah kerajaan kecil yang lain terdiri daripada Pasai, Pidie, Daya, Lamuri, Lingge, dan Tamiang (Abdullah, 2007; Koestoro *et al.*, 2009; dan Rahman, Riyani & Hanafiah, 2020).

Kewujudan Aceh sebagai sebuah kerajaan mula mendapat perhatian setelah ia bersatu dengan Kerajaan Lamuri. Penyatuan dilakukan oleh Sultan Shamsu Shah, 1497-1514, iaitu putera kepada pemerintah Lamuri, Sultan Munawwar Shah (Hadi, 2010:11-14; Gazali, 2016; dan Thamrin & Mulyana, 2016:21).

Sementara itu, peringkat Aceh Besar pula dapat dikesan pada abad ke-16, apabila putera Sultan Shamsu Shah, iaitu Sultan Ali Mughayyat Syah, menakluk kerajaan-kerajaan lain sekitar Aceh. Baginda telah menakluk Kerajaan Daya pada tahun 1520; Pidie pada tahun 1521; Pasai pada tahun 1524; dan Aru pada tahun 1525. Selain meluaskan jajahan takluk, matlamat utama dasar penaklukan ini adalah bagi membendung Portugis daripada terus menyebarkan pengaruh agama Kristian ke atas kerajaan-kerajaan berkenaan (Zainuddin, 1961:396; Hadi, 2010:14; dan Baqi, 2020).

Oleh kerana khuatir akan kedudukan agama Islam di Aceh tercabaroleh agama Kristian, maka baginda bertindak menyerang dan mengusir Portugis dari kerajaan-kerajaan tersebut. Sebaik sahaja menewaskan Portugis, baginda menyatukan kerajaan-kerajaan berkenaan di bawah pemerintahan baginda, yang dinamakan sebagai “Kesultanan Aceh Darussalam” pada abad ke-16. Penyatuan ini juga menandakan kemunculan Aceh sebagai sebuah Kerajaan Melayu Islam (Hasjmy, 1983:14-17; Wahyudhi, 2016; dan Baqi, 2020).

Tarikh kemunculan Aceh sebagai kerajaan Melayu Islam pada abad ke-16 telah dipersetujui ramai sarjana tempatan dan luar, seperti: A. Hasjmy (1983); T. Ito (1984); Denys Lombard (1986); Muliadi Kurdi (2013); Hasanuddin Yusuf Adan (2014); dan Sher Banu A.L. Khan (2017). Bagaimanapun, terdapat juga pengkaji tempatan seperti Amirul Hadi (2010), yang mengatakan bahawa Aceh sudah menjadi kerajaan Melayu Islam pada abad ke-15. Manakala H.M. Zainuddin (1961) serta H.M.Z. Thamrin & Edy Mulyana (2016) berpendapat bahawa kemunculan Kesultanan Aceh sudah berlaku pada abad ke-13. Bagaimanapun, pendapat yang diterima setakat ini adalah pada abad ke-16 (*cf* Zainuddin, 1961:392; Hasjmy, 1983:60; Ito, 1984:12; Lombard, 1986:49; Hadi, 2010:12-13; Kurdi, 2013:7; Adan, 2014:171; Thamrin & Mulyana, 2016:21; dan Khan, 2017:28).

Apabila Kesultanan Aceh menerima Islam pada abad ke-16, kerajaan telah menggubal undang-undang Islam, bukan sahaja menyesuaikan dengan pegangan hidup yang baharu tetapi juga bagi menurut perintah Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) agar memperolehi keberkatan di dunia dan akhirat. Meskipun demikian, undang-undang Adat masih dijalankan, kerana ia sudah menjadi kebiasaan dan warisan masyarakat Aceh hingga sukar untuk ditinggalkan.

Dalam pada itu, pelaksanaan undang-undang Islam diteruskan oleh Sultan-sultan Aceh selepas Sultan Ali Mughayyat Syah, dan mencapai kemuncaknya pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Semasa pemerintahan baginda, Kesultanan Aceh telah berkembang maju dan mencapai kegemilangan dalam pelbagai bidang, termasuklah undang-undang.

Pencapaian baginda dalam bidang ketenteraan adalah jelas apabila baginda mampu mengwujudkan tentera Aceh yang kuat, hingga berhasil melakukan penaklukan ke atas wilayah di sebelah pantai barat Sumatera hingga ke Rokan di pantai timur Sumatera. Di samping wilayah Sumatera, baginda juga meluaskan jajahan takluk Aceh ke Semenanjung Tanah Melayu, dengan menguasai Perak, Kedah, Pahang, dan Johor (Ito, 1984:12; Adan, 2014:209; Said, 1981:278-279 dan 289-290; dan Wahyudhi, 2016).

Kekuatan tentera Aceh di bawah pemerintahan baginda juga terbukti apabila baginda meneruskan usaha Sultan-sultan sebelum baginda dalam menyerang kedudukan Portugis di

Melaka, yang bertapak sejak tahun 1511. Walaupun baginda gagal dalam misi ini, tetapi baginda adalah Sultan Aceh terakhir yang melakukan serangan ke atas Portugis pada tahun 1629. Selepas serangan ini tidak ada lagi Sultan dan Sultanah selepas baginda yang berupaya meneruskan serangan tersebut, dan membayangkan kegemilangan Aceh semakin merosot. Portugis hanya tumpas pada tahun 1641 oleh kuasa gabungan Belanda dan Johor (HAMKA, 1981:175 dan 251; Khan, 2010:307-313; dan Wahyudhi, 2016).

Dengan pencapaian Kesultanan Aceh, hasil usaha Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, suasana ini memudahkan baginda menggubal undang-undang Islam bagi menjaga kesejahteraan rakyat, sesuai dengan tuntutan Islam. Dalam masa yang sama, penggubalan undang-undang Islam juga membantu dalam mengangkat daulat baginda selaku Khalifah Allah di muka bumi, kerana telah melaksanakan perintah Allah di dunia agar tidak perlu dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Undang-Undang Islam. Dalam menggubal undang-undang Islam, elok dikupas perkara-perkara jenayah berikut: (1) Mencuri, (2) Membunuh, dan (3) Berzina, yang telah dirancang, berlaku, dan dilaksanakan hukumannya oleh baginda di kesultanan Aceh.

Pertama, Mencuri. Antara undang-undang Islam di zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, seperti yang termaktub dalam Adat Meukuta Alam, ialah hukuman ke atas jenayah mencuri. Menurut undang-undang Islam, seseorang yang melakukan jenayah mencuri, hukumannya adalah potong tangan setelah cukup bukti (Utriza, 2008; Rahim, 2009:38; dan Gazali, 2016).

Sungguhpun hukuman ini kelihatannya berat sehingga menyebabkan kecacatan, namun hikmah di sebaliknya adalah bagi memberikan pengajaran kepada pesalah agar tidak mengulangi semula. Ia juga boleh mendatangkan ikhtibar kepada orang lain agar tidak melakukan jenayah yang sama. Kejadian jenayah mencuri yang berleluasa boleh mengancam keamanan Kesultanan Aceh jika tidak dicegah. Apabila ia berlaku, rakyat hidup dalam keadaan tidak tenteram kerana takut kehilangan harta benda akibat perbuatan pencuri. Mereka juga takut dcederakan dan seterusnya dibunuh oleh pencuri. Senario ini pernah berlaku di Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488), sehingga baginda terpaksa turun padang bertindak menghapuskan sendiri

kegiatan mencuri yang berleluasa ketika itu.

Sehubungan dengan itu, bagi menjaga keamanan Kesultanan Aceh, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menggubal undang-undang ke atas jenayah mencuri. Undang-undang ini terdapat dalam Adat Meukuta Alam, Fasal 32, 33, dan 34. Bagaimanapun, undang-undang ini tidak sepenuhnya berunsurkan Islam, melainkan terdapat percampuran antara undang-undang Adat dan Islam. Hal ini boleh dilihat pada Fasal 32, yang menyatakan bahawa jika pencuri didapati mencuri di kampung, maka Hulubalang sebagai pegawai kerajaan yang bertanggungjawab dalam kes berkenaan dikehendaki untuk menghukum pencuri tersebut. Hukumannya, pencuri mesti mengembalikan barang yang dicurinya. Beliau juga boleh menggantinya dengan barang yang sama.

Manakala Fasal 33 pula menyatakan jika pencuri keluar dari kawasan Tiga *Sagi*,⁵ beliau tidak boleh masuk semula ke Aceh. Sementara Fasal 34 menjelaskan jika pencuri masuk juga ke Aceh, beliau akan ditangkap dan dijatuhkan hukuman potong tangan. Keterangan lanjut mengenai undang-undang berunsur campuran Adat dan Islam ke atas jenayah mencuri, boleh dilihat dalam Lampiran 1, sebagai berikut:

Lampiran 1:

Undang-Undang berunsur campuran Islam dan Adat bagi jenayah mencuri, sepertimana yang dicatatkan dalam Adat Meukuta Alam.

Fasal 32:

Sekiranya harta seseorang dicuri, maka Hulubalang tempat orang yang mencuri itu akan mengarahkan pencuri untuk memulangkan barang yang dicuri atau diganti.

Fasal 33:

Jika pencuri keluar dari Tiga Sagi, beliau tidak dibenarkan masuk kembali.

Fasal 34:

Jika pencuri masuk semula ke Tiga Sagi, Hulubalang akan menangkapnya, lalu tangannya dipotong (dalam Zainuddin, 1961:324).

⁵*Sagi* adalah salah satu daripada sistem pentadbiran wilayah Kesultanan Aceh. Ia dibentuk daripada gabungan beberapa buah negeri dan diketuai oleh Panglima Sagi dan seorang Kadi Sagi. Sagi pertama adalah Sagi 25, yang dibentuk daripada 25 Mukim. Sagi ini diketuai oleh Panglima Saginya, Kadi Malikul Alam Seri Setia Ulama. Manakala Sagi kedua adalah Sagi 26, yang terdiri daripada 26 Mukim. Panglima Saginya adalah Seri Imam Muda. Sementara Sagi ketiga adalah Sagi 22, yang dibentuk daripada 22 Mukim. Panglima Saginya adalah Panglima Polim Seri Muda Perkasa. Sebelum Tiga Sagi diwujudkan, sistem pentadbiran wilayah Kesultanan Aceh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah kampung. Wilayah ini adalah yang terkecil dan diketuai oleh Ketua Kampung dan Imam atau Ulama Madrasah. Kategori kedua adalah Mukim, yang dibentuk daripada percantuman sekurang-kurangnya lapan buah kampung. Wilayah ini diketuai oleh Teuku Imam Mukim dan Kadi Mukim. Manakala kategori ketiga adalah Negeri atau Daerah. Kemunculannya adalah daripada gabungan beberapa buah Mukim. Ketuanya pula adalah Hulubalang dan Kadi Negeri. Lihat, selanjutnya, Hasanuddin Yusuf Adan (2014:12-14); Gazali (2016); dan Johan Wahyudhi (2016).

Jelas dari hukuman itu bahawa kes mencuri masih mengandungi undang-undang Adat yang lebih ringan tanpa terus dipotong tangan. Ternyata dalam hal ini terdapat toleransi hukuman ke atas penjenayah, apabila masih diberi peluang kepadanya untuk menebus kesalahannya. Hanya jika penjenayah masih degil dan tidak patuh kepada undang-undang yang ditetapkan, baharulah dijatuhi hukuman menurut undang-undang Islam dengan potong tangan.

Dalam hubungan undang-undang Islam mengenai hukuman memotong tangan, ia memang berlaku dalam sejarah pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, apabila Laksamana Pierre Willemisz Verhoeven, Ketua Angkatan Laut Belanda, yang berkunjung ke Aceh pada 10 November 1608, melaporkan bahawa pada ketika itu Kesultanan Aceh telah menghukum seorang penjenayah dengan memotong tangan, kaki, atau salah satu tangan dan satu kaki (Utriza, 2008:251; Reid, 2014; dan Gazali, 2016).

Meskipun hukuman di atas tidak dijelaskan apa jenis jenayah yang dilakukan, tetapi boleh dikatakan salah satu jenayah itu adalah mencuri kerana terdapatnya hukuman potong tangan. Hal ini boleh dikaitkan apabila Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam juga pernah menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas pencuri pada tahun 1636. Pada tahun itu, Jacob Compostel, seorang pedagang Belanda, melaporkan bahawa empat orang gundik Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah didapati mencuri. Sebagai hukuman, keempat-empat mereka dijatuhi hukuman potong tangan, kaki, dan hidung. Selain pemotongan anggota badan tersebut, akhirnya mereka juga dihukum bunuh (Ito, 1984:172; Utriza, 2008; dan Zada, 2012).

Dalam hal ini, jelas Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam menghukum dengan memotong tangan adalah menurut undang-undang Islam. Bagaimanapun, menghukum pencuri hingga mati menimbulkan tanda tanya kerana kelihatannya tidak selaras dengan ajaran Islam. Mungkinkah undang-undang Adat dilaksanakan sebagai amaran keras kepada orang lain, terutama yang berada di istana supaya jangan melakukan jenayah seperti itu. Perbuatan seperti itu mudah dilakukan di istana, kerana tersimpannya banyak barang-barang berharga, seperti barang-barang kemas dan alat kebesaran diraja. Lantaran itu, barang-barang berkenaan mudah menjadi sasaran pencuri.

Oleh itu, bagi menghalang hal-hal yang tak dikehendaki, perlunya ada hukuman yang berat, lebih-lebih lagi jika alat kebesaran diraja dicuri. Alat-alat itu bukan sahaja bernilai tinggi, tetapi ia adalah lambang kedaulatan seorang raja. Dengan itu, ia dianggap satu jenayah yang berat jika melibatkan peralatan tersebut.

Kedua, Membunuh. Sementara itu jenayah membunuh dianggap sebagai jenayah berat, kerana ia adalah perbuatan mencabut nyawa seseorang tanpa izin. Ia boleh mengancam keamanan dan kesejahteraan rakyat. Ia boleh menimbulkan rasa dendam dalam kalangan keluarga mangsa kepada penjenayahnya. Ini boleh mencetuskan pertikaian berantai dan akhirnya membawa kepada konflik senjata. Jika tidak ditangani, suasana kehidupan dalam sesebuah negeri, seperti Kesultanan Aceh, tidak akan tenteram kerana rakyat sentiasa hidup dalam ketakutan.

Dalam konteks ini, Sultan-sultan dan Sultanah-sultanah Aceh memang pernah melaksanakan hukuman ke atas pesalah yang melakukan pembunuhan. Hukumannya juga dijalankan mengikut undang-undang Islam, iaitu hukum bunuh dibalas bunuh, atau dikenali sebagai *qisas*. Malah, sebelum pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam lagi, hukuman *qisas* sudah dilaksanakan oleh nenda baginda, iaitu Sultan Ali Riayat Syah al-Mukammil, 1589-1604. Kemudian ia diteruskan oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, sepertimana yang terkandung dalam undang-undang bertulis Adat Meukuta Alam (Reid, 1995:60; Rahim, 2009:5; dan Zada, 2012).

Daripada 45 Fasal dalam Adat Meukuta Alam, sebanyak 16 Fasal menjelaskan tentang hukuman bagi jenayah membunuh. Fasal-fasal ini adalah Fasal 9, 10, 11, 12, 14, 15, 18, 19, 21, 24, 25, 26, 27, 28, 29, dan 30. Bagaimanapun, hanya 5 Fasal sahaja yang berunsurkan Islam, manakala 11 Fasal lagi adalah undang-undang Adat. Undang-undang Islam bagi jenayah membunuh terkandung dalam Fasal 24 hingga 28. Sebagai contoh, dalam Fasal 24 menyebutkan bahawa jika rakyat dalam kawasan *Sagi* atau *Mukim* berkunjung ke *Mukim* yang lain untuk berdagang atau menuntut ilmu lalu dibunuh, maka pembunuhnya dihukum dengan membayar *diah* (Zainuddin, 1961:322-323; Adan, 2014; Gazali, 2016; dan Wahyudhi, 2016).

Kemudian Fasal 25 pula menyatakan kadar *diah* perlu dibayar kepada ahli waris mangsa adalah 100 ekor unta.

Lampiran 2, bagi keterangan lanjut, mengenai undang-undang Islam bagi jenayah membunuh, seperti yang terkandung dalam Adat Meukuta Alam, menjelaskan sebagai berikut:

Lampiran 2:

Undang-undang Islam bagi jenayah membunuh, seperti yang terkandung dalam Adat Meukuta Alam.

Fasal 24:

Jika rakyat yang berada di dalam Sagi atau Mukim masuk ke Mukim yang lain dibunuh, maka pembunuh tersebut dikehendaki membayar diah.

Fasal 25:

Menyatakan bayaran diah bagi pembunuh yang dinyatakan dalam Fasal 24 adalah sebanyak 100 ekor unta.

Fasal 26:

Sekiranya pembunuh telah membayar diah, beliau tidak boleh dihukum bunuh kerana dianggap sudah bertaubat.

Fasal 27:

Jika ahli waris mangsa yang dibunuh tidak mahu menerima diah, maka baharulah pembunuh tersebut dihukum bunuh.

Fasal 28:

Pembesar bergelar Hulubalang wajib memperkenankan permintaan ahli waris iaitu dengan menjatuhkan hukuman bunuh (dalam Zainuddin 1961:323-324).

Oleh yang demikian, Fasal 24 dan 25 adalah sesuai dengan undang-undang Islam bagi jenayah membunuh, yang membolehkan pesalah yang melakukan pembunuhan untuk membayar *diah* jika waris mangsa memaafkan pembunuh berkenaan. *Diah* dalam bentuk 100 ekor unta juga adalah berpandukan pada undang-undang Islam, iaitu yang dikategorikan sebagai *diah* ringan. Hanya jika keluarga mangsa tidak mahu mengampunkan pembunuh itu dan tidak mahu beliau dihukum dengan membayar *diah*, baharulah dijatuhkan hukuman mati (Othman, 2003:120; Rahim, 2009:10-11; dan Zada, 2012).

Sementara itu, 11 Fasal dalam Adat Meukuta Alam mengandungi undang-undang Adat bagi jenayah membunuh terdiri dari Fasal 9, 10, 11, 12, 14, 15, 18, 19, 21, 29, dan 30. Misalnya, dalam Fasal 9 menerangkan bahawa jika Hulubalang yang dititahkan oleh Sultan untuk memeriksa keadaan dalam sesebuah Kampung, Mukim, atau Sagi dibunuh di salah sebuah tempat tersebut, maka Sultan akan memerintahkan pembesar Aceh bergelar Orang Kaya Seri Maharaja Lela, atau wakil

beliau, untuk melakukan siasatan. Kedua-dua pembesar juga hendaklah mengarahkan Hulubalang yang bertugas di tempat pembunuhan berlaku untuk mencari pembunuh tersebut. Setelah pembunuh itu ditemui, beliau hendaklah ditangkap dan hanya jika melawan baharulah dibunuh. Lampiran 3 bagi undang-undang Adat ke atas jenayah membunuh, sebagaimana yang terkandung dalam Adat Meukuta Alam, menyatakan seperti berikut:

**Lampiran 3:
Undang-undang adat bagi jenayah membunuh, seperti yang terkandung dalam Adat Meukuta Alam.**

Fasal 9:

Jika Hulubalang dibunuh dalam Kampung, Mukim, Negeri atau Sagi, Sultan akan memerintahkan pembesar bergelar Orang Kaya Seri Maharaja Lela atau wakilnya mencari pembunuh itu dengan bantuan Hulubalang dalam negeri atau Sagi tempat pembunuhan dilakukan. Hulubalang dalam negeri atau Sagi itu dikehendaki mencari pembunuh berkenaan dan hanya jika melawan baharulah dibunuh.

Fasal 10:

Sekiranya seseorang hamba Raja didapati mati, tujuh orang wakil daripada pembunuh tersebut akan diadili oleh Sultan mengikut kehendak baginda tetapi tidak dijatuhi hukuman bunuh.

Fasal 11:

Jika Hulubalang enggan mencari pembunuh, maka beliau boleh dikenakan denda dengan kadar sebanyak 500 hingga 1,000 rial.

Fasal 12:

Jika Hulubalang dalam Fasal 11 tidak mahu membayar denda, beliau boleh dijatuhi hukuman dengan dipukul, diserang negerinya, dan dipecat. Manakala tanam-tanaman miliknya, harta, dan rumahnya dirampas.

Fasal 14:

Sekiranya seorang hamba Raja dcederakan atau dibunuh, maka Sultan menghukum pesalah, sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 9, 10, 11, dan 12.

Fasal 15:

Jika seseorang didapati dibunuh atau dcederakan dalam sesebuah kampung dan orang-orang kampung tidak mampu mempertahankan mangsa kerana terlalu ramai penjahat, maka mereka disuruh menjadi saksi dan bersumpah telah menyaksikan kejadian itu. Jika pembunuh sudah keluar dari Tiga Sagi atau negeri Aceh, Hulubalang dan Rama Setia diperintahkan untuk mencarinya. Sekiranya beliau kembali semula, Sultan akan memerintahkan Panglima Sagi dan Hulubalang dalam Sagi untuk membunuhnya dan ahli warisnya dikenakan denda dengan kadar mengikut kehendak Sultan.

Fasal 18:

Para pedagang asing terdiri daripada pedagang Arab, Benggali, Keling, Melayu, dan Jawa yang sedang berniaga di Aceh lalu dibunuh atau dirampas hartanya,

maka Sultan akan menghukum pesalah, sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 9, 10, 11, dan 12.

Fasal 19:

Jika orang asing menuntut ilmu dalam Tiga Sagi seperti dalam masjid atau madrasah dibunuh, maka Hulubalang dalam Tiga Sagi akan menjadi ahli warisnya. Beliau boleh menuntut bela bagi pihak mangsa dan menyempurnakan pengebumiannya dengan mengadakan kenduri secara sederhana. Sultan tidak campur tangan dalam hal ini, kerana mangsa tidak mengadap Sultan.

Fasal 21:

Sekiranya pedagang asing selain daripada yang beragama Islam dan Hindu yang bermalam di kawasan darat seperti di kampung telah dibunuh, dicerderakan, atau dirampas hartanya, Sultan tidak akan bertanggungjawab kerana ia adalah salahnya sendiri. Ini kerana jaminan keselamatan hanya diberikan kepada pedagang Islam dan Hindu. Oleh sebab itulah, pedagang lain selain daripada pedagang Islam dan Hindu hanya dibenarkan tinggal di kapal mereka.

Fasal 29:

Menjelaskan sekiranya Hulubalang di tempat tinggal pembunuh dalam Fasal 24 tidak mahu menjatuhkan hukuman bunuh ke atasnya kerana ahli waris pembunuh ingin membayar denda, maka perkara itu hendaklah dihadapkan kepada Sultan dan diselesaikan oleh baginda.

Fasal 30:

Hulubalang bagi pihak pembunuh dan Hulubalang bagi pihak mangsa dalam Fasal 24 serta ahli waris bagi kedua-dua belah pihak akan akur dengan keputusan Sultan berkaitan dengan hukuman yang akan dijatuhkan (dalam Zainuddin, 1961:322).

Oleh itu, hukuman bunuh di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam adalah berdasarkan pada undang-undang Islam dan Adat. Hukuman melalui undang-undang Adat dilihat lebih ringan berbanding dengan undang-undang Islam, kerana pembunuh hanya dihukum bunuh jika beliau melawan. Berkemungkinan hukuman ringan diwujudkan bagi memberikan peluang kepada pembunuh untuk menyesali perbuatannya. Sekiranya beliau enggan mengakui kesalahannya dan belum insaf, maka baharulah dihukum dengan hukuman yang berat, iaitu hukuman mati sepertimana yang dianjurkan Islam.

Walau bagaimanapun, bukti pelaksanaan hukuman ke atas pembunuh di zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam tidak ditemui. Namun, baginda memandang serius terhadap jenayah ini kerana pada zaman baginda, kes pembunuhan adalah antara jenayah yang sering berlaku di Kesultanan Aceh hingga mengganggu ketenteraman awam. Baginda pernah mengongsikan perkara ini dengan seorang Laksamana Angkatan Tentera Laut Perancis, Augustin de Beaulieu, bahawa Aceh adalah:

[...] sarang para pembunuh dan perompak [...] dan tak seorang pun merasa aman. Masyarakat di siang hari diharuskan berjaga-jaga dari para perompak dan pada malam hari mereka melindungi diri di rumah dengan baik (dalam Hadi, 2010:184).

Kebimbangan inilah yang mendorong kepada penggabungan undang-undang Adat dan Islam untuk jenayah membunuh bagi menghindarkannya daripada semakin berleluasa. Dalam keadaan yang demikian jugalah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam memerlukan satu undang-undang yang keras dan tegas. Jika tidak, negeri akan berada dalam suasana kacau-bilau dan huru-hara (Utriza, 2008; Hadi, 2010; dan Zada, 2012).

Ketiga, Berzina. Manakala itu, berzina adalah satu dosa besar dalam Islam hingga pesalahnya boleh dijatuhi hukuman berat demi menjaga keturunan manusia. Sebab itu, Islam menggalakkan pernikahan agar kehidupan manusia dapat diatur melalui kekeluargaan. Hukuman zina di zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dibahagikan kepada dua kategori, iaitu *muhsan* dan bukan *muhsan*. Maksud *muhsan* adalah orang yang memenuhi syarat-syarat, iaitu *baligh*, berakal, merdeka, dan pernah bersetubuh dengan nikah yang sah. Manakala bukan *muhsan* adalah orang yang tidak memenuhi keempat-empat syarat ini atau masih bujang. Hukuman yang dijatuhkan bagi *muhsan* yang berzina adalah direjam atau dilontar dengan batu, yang sederhana besarnya, hingga mati. Sementara bagi yang bukan *muhsan* pula dipukul sebanyak 100 kali dan dibuang negeri selama setahun (Utriza, 2008; Rahim, 2009:27-28; dan Gazali, 2016).

Melihat pada dosa besar bagi kesalahan berzina, maka Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah melaksanakan hukuman berat ke atas pesalahnya, sebagaimana dituntut oleh ajaran Islam. Malahan baginda tidak bertoleransi dalam menghukum pesalah, meskipun kaum kerabat baginda sendiri. Baginda sendiri pernah menghukum bunuh putera baginda, Meurah Pupok, kerana didapati berzina dengan isteri seorang pembesar (Hussain, 1992:185; Halimi, 2008:298; dan Zada, 2012).

Dengan hukuman ini, maka baginda adalah seorang Sultan yang adil, kerana menjatuhkan hukuman tanpa memilih bulu waima kerabat baginda sendiri. Sungguhpun hukuman ini adalah satu keputusan yang sukar untuk dilakukan, tetapi sebagai seorang Sultan yang adil, baginda mesti juga melaksanakannya semata-mata kerana patuh kepada undang-

undang Allah agar baginda tidak dipersoalkan di akhirat kelak. Meskipun demikian, berdasarkan sumber lisan tempatan, keputusan baginda akhirnya telah menjejaskan kesihatan baginda sendiri. Sebagai seorang ayah, baginda mungkin tertekan atas kemangkatan putera baginda yang disayangi (Utriza, 2008; Gazali, 2016; dan Anchong & Mail, 2020:35-36).

Sungguhpun Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam menghukum bunuh putera baginda, kerana berzina yang dilarang dalam Islam, tetapi yang hanya dinyatakan adalah putera baginda dihukum mati. Tidak dinyatakan bagaimana hukuman ini dilaksanakan, iaitu sama ada ia berunsurkan Islam atau Adat. Di samping hukuman bunuh yang dijatuhkan ke atas putera baginda, terdapat juga hukuman lain yang dilaksanakan ke atas rakyat yang berzina di zaman pemerintahan baginda. Tetapi hukuman yang dilaksanakan mengikut undang-undang Adat. Pelaksanaan hukuman ini dilakukan kadang-kala lebih ringan dan ada pula yang lebih berat daripada undang-undang Islam.

Hukuman yang berat dapat dilihat melalui hukuman yang dijatuhkan kepada kaum lelaki daripada kalangan orang kenamaan yang didapati berzina dengan isteri orang. Beliau akan dibawa ke ladang yang luas dan tertutup. Beliau akan dikelilingi oleh sahabat-sahabat dan bapa mertua perempuan yang dizinai. Mereka membentuk satu bulatan mengelilingi lelaki tersebut. Setelah itu, beliau akan diberikan satu senjata besar dikenali sebagai "gadubong" untuk mempertahankan dirinya daripada serangan mereka yang mengelilinginya. Bagaimanapun, pada lazimnya, pesalah tidak mampu mempertahankan dirinya dan terlepas daripada bulatan berkenaan. Ini kerana orang-orang yang mengelilinginya terlalu ramai, maka pesalah tidak dapat melawan. Akhirnya, pesalah akan dibunuh.

Sungguhpun demikian, hukuman ini dianggap ringan berbanding dengan hukuman mati yang dijatuhkan ke atas pesalah daripada kalangan rakyat biasa. Lazimnya, rakyat biasa dihukum mati dengan disula, sebagaimana yang pernah dijalankan ke atas seorang perempuan daripada kalangan rakyat biasa yang dituduh menyebabkan berlakunya kebakaran. Dalam pada itu, hukuman ringan juga pernah dijatuhkan ke atas penzina apabila beliau dikehendaki membayar denda atau suami kepada isteri yang berzina boleh memilih untuk tidak membunuh penzinanya. Sebagai ganti, beliau boleh

mendiamkan sahaja perkara itu (Lombard, 1986:108; Marsden, 1986:404-405; dan Utriza, 2008:246).

KESIMPULAN

Adalah jelas bahawa undang-undang berperanan penting dalam memastikan keamanan dalam sesebuah negeri, seperti yang berlaku ketika zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh. Sebagai ketua negara dan juga ketua agama, baginda telah menjalankan perintah Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), iaitu dengan menggubal dan melaksanakan undang-undang Islam. Namun, baginda juga masih mempraktikkan undang-undang Adat yang sudah menjadi kebiasaan bagi Sultan-sultan sebelum baginda dan sebagai warisan turun-temurun masyarakat Aceh. Sebab itu, undang-undang Adat masih digunakan secara berkesinambungan dalam Kesultanan Aceh.

Secara umumnya, baik undang-undang Islam mahupun Adat memang mempunyai kadar hukuman berbeza-beza dalam bentuk, sama ada berat mahupun ringan. Bagaimanapun, dalam menjatuhkan hukuman ia tidak hanya tertakluk kepada undang-undang yang sudah digubal, tetapi juga berdasarkan kehendak Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dalam menentukan bentuk hukuman yang patut dilaksanakan. Hal ini biasanya berlaku dalam bentuk titah dari baginda.

Maka dengan itu, ternyata meskipun Kesultanan Aceh berpegang pada ajaran agama Islam, tetapi undang-undang yang dijalankan masih terdapat percampuran antara Islam dan Adat, sebagaimana yang tergambar pada hukuman ke atas jenayah curi, bunuh, dan zina.⁶

Referensi

- Abdullah, M. Jakfar. (2007). *Diantara Agama dan Budaya: Suatu Analisis tentang Upacara Peusijek di Nanggroe Aceh Darussalam*. Pulau Pinang: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia].
- Adan, Hasanuddin Yusuf. (2014). *Islam dan Sistem Pemerintahan di Aceh: Masa*

⁶**Kenyataan:** Kami, yang bertanda tangan di bawah ini, membuat kenyataan dengan sebenar bahawa kertas kerja ini adalah karya akademik kami berdua; dan jelas ianya bukan dapatan plagiat, memandangkan semua sumber yang dipetik dan disentuh, sama ada terus mahupun tak terus, wujud secara penuh dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Kertas kerja ini juga belum pernah dihantar kepada mana-mana jurnal akademik untuk diwasit dan diterbit, sama ada di Brunei Darussalam mahupun di luar negara. Kami, selaku Pengarang, bersedia menerima hukuman akademik, sekiranya mana-mana yang dinyatakan ini tidak selari dengan hakikat sebenar, atau bercanggah mengikut undang-undang dan peraturan akademik yang sedia ada.

- Kerajaan Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Yayasan PeNA.
- “Adat” dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/adat> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019].
- Anchong, Farahaina & Haji Awang Asbol Haji Mail. (2020). “Kesultanan Brunei dan Aceh Tradisional, Abad ke-14 hingga 19 Masihi: Satu Perbandingan Konsep Daulat dan Derhaka pada Era Pengaruh Islam” dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(1), ms.27-42. Wujud secara online pula di: <http://www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur/article/view/1287> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 7 Januari 2021].
- Baqi, Subkhana Adzim. (2020). “Empat Sultanah dalam Kerajaan Aceh Darussalam, 1641-1699 M”. Skripsi *Sarjana Tidak Diterbitkan*. Surabaya: Fakultas Adab dan Humaniora UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Ampel. Wujud secara online pula di: <https://core.ac.uk/download/pdf/328277038.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 15 Januari 2021].
- “Customary Law” dalam *TransLegal*. Wujud secara online pula di: <https://www.translegal.com/dictionary/en/customary-law/noun> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 7 Julai 2020].
- Gazali. (2016). “Hubungan Umara dan Ulama dalam Membentuk Kehidupan Sosio-Relijius di Aceh Darussalam Masa Sultan Iskandar Muda” dalam *DE JURE: Jurnal Penelitian Hukum*, Vol.16, No.2 [Juni], ms.173-185.
- Ghofur, Abd. (2015). “Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis” dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni], ms.53-69. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/40376-ID-islam-dan-politik-di-brunei-darussalam-suatu-tinjauan-sosio-historis.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 3 Ogos 2020].
- Hadi, Amirul. (2010). *Aceh: Sejarah, Budaya, dan Tradisi*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Halimi, Ahmad Jelani. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- HAMKA [Haji Abdul Malik Karim Amrullah]. (1981). *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hasjmy, A. (1983). *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*. Jakarta: Penerbit Beuna. Wujud secara online pula di: <https://archive.org/details/KebudayaanAcehDalamSejarah> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 25hb Mac 2019].
- “Hukum” dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/hukum> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019].
- Hussain, Khalid M. (1992). *Taj us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ibrahim, Muhd Yusof. (2000). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- “Islamic Law Definition” dalam *Duhaime.Org*. Wujud secara online pula di: <http://www.duhaime.org/LegalDictionary/I/IslamicLaw.aspx> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 7 Julai 2020].
- Ito, T. (1984). “The World of the Adat Aceh: A Historical Study of the Sultanate of Aceh”. *Unpublished Ph.D. Thesis*. Canberra, Australia: Australian National University.
- “Kanun” dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/kanun> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019].
- Khan, Sher Banu A.L. (2010). “Ties that Unbind: The Abortive Aceh-VOC Alliance for the Conquest of Melaka, 1640-1641” in *Indonesia and the Malay World*, Volume 38(111), pp.303-321.
- Khan, Sher Banu A.L. (2017). *Sovereign Women in a Muslim Kingdom: The Sultanahs of Aceh, 1641-1699*. Singapore: NUS [National University of Singapore] Press.
- Koestoro, Lucas Partanda et al. (2009). *Situs dan Objek Arkeologi-Historis Kabupaten*

- Aceh Tamiang, Provinsi Naggroe Aceh Darussalam*. Medan: Balai Arkeologi, Pusat Penelitian dan Pengembangan Arkeologi Nasional, Departemen Kebudayaan dan Pariwisata.
- Kurdi, Muliadi. (2013). *Sulthan Iskandar Muda: Pelambang Kemakmuran dan Kegemilangan Aceh*. Banda Aceh: Naskah Aceh.
- Lombard, Denys. (1986). *Kerajaan Aceh: Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*. Jakarta: Balai Pustaka, terjemahan Winarsih Arifin.
- Marsden, W. (1986). *The History of Sumatra*. Singapore: Oxford and New York: Oxford University Press.
- Othman, Mahmud Saedon Awang. (2003). "Pengajian Islam di Negara Brunei Darussalam: Sejarah Ringkas" dalam Awang Haji Hashim Haji Abd Hamid [ed]. *Jejak-jejak: Kumpulan Kertas Kerja Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman*. Bandar Seri Begawan: Penerbit APB UBD [Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam], ms.281-297.
- Rahim, Haji Mohd Amin Abdul. (2009). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Bandar Seri Begawan: Penerbit DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] Brunei.
- Rahman, Aulia, Mufti Riyani & Hanafiah. (2020). "Cagar Budaya dan Memori Kolektif: Membangun Kesadaran Sejarah Masyarakat Lokal Berbasis Peninggalan Cagar Budaya di Aceh Bagian Timur" dalam *Mozaik Humaniora*, Volume 20(1), ms.12-25. DOI:10.20473/mozaik.v20i1.7513.
- Reid, A. (1995). *Witnesses to Sumatra: A Travellers' Anthology*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reid, A. (2014). *Asia Tenggara dalam Kurun Niaga, 1450-1680: Tanah di Bawah Angin, Jilid 1*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia], Terjemahan.
- "Resam" dalam *Malay Oxford Dictionary*. Wujud secara online pula di: <https://ms.oxforddictionaries.com/translate/malay-english/resam> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 29 April 2019].
- Said, Mohammad. (1981). *Aceh Sepanjang Abad*, Jilid 1. Medan: PT Percetakan dan Penerbitan Waspada. Wujud secara online pula di: <https://archive.org/details/00389> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 1 Julai 2020].
- Salam, Noor Efni. (2017). *Masyarakat dan Budaya Melayu: Revitalisasi, Strategi, dan Pelestariannya*. Pekanbaru: Penerbit Alaf Riau.
- Sjamsuddin, Heliuss. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Thamrin, H.M.Z. & Edy Mulyana. (2016). *Pantai Barat Aceh di Panggung Sejarah*. Banda Aceh: Yayasan PeNa Banda Aceh.
- Usman, Abdullah Sani. (2005). *Nilai Sastra Ketatanegaraan dan Undang-Undang dalam Kanun Syarak Kerajaan Aceh dan Bustanus Salatin*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Utriza, Ayang N.W.A.Y. (2008). "Hukum Adat *vis a vis* Hukum Islam di Aceh" dalam *Jurnal Hukum dan Pembangunan*, Volume 38(2), ms.237-276. doi:10.21143/jhp.vol38.no.2.168.
- Wahyudhi, Johan. (2016). *Pasang-Surut Diplomatik Kesultanan Aceh dan Johor Abad XVI-XVII*. Jakarta: Penerbit UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah.
- Winstedt, R.O. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: MBRAS [Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society], Reprint No.12, revised, edited, and introduced by Y.A. Talib.
- Zada, Khamami. (2012). "Sentuhan Adat dalam Pemberlakuan Syariat Islam di Aceh, 1514-1903" dalam *KARSA*, Vol.20, No.2 [Desember], ms.197-210. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/143057-ID-sentuhan-adat-dalam-pemberlakuan-syariat.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 27 Julai 2020].
- Zainuddin, H.M. (1961). *Tarich Atjeh dan Nusantara*, Jilid 1. Medan: Pustaka Iskandar Muda.
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].